

Headline **Lubuk broker gecko**
Date **23 Oct 2010**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Setempat**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **38**
Article Size **362 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **10,409**
PRValue **31,228**



Lubuk broker gecko

Sanggup datang dari Kuala Lumpur untuk dapatkan haiwan didakwa boleh ubat Aids

Mohd Sabran Md Sani

RANTAU PANJANG: Pekan Rantau Panjang, dekat sini, tidak ubah seperti pusat bidaan berikutan kehadiran broker cicak gecko yang sanggup datang beratus kilometer semata-mata mahu mendapatkan spesies haiwan itu dengan menawarkan harga hingga mencecah RM35,000 seekor.

Senario itu berlaku sejak beberapa minggu lalu berikutan spesies haiwan dikenali sebagai 'tokke' di kalangan penduduk tempatan itu mudah diperolehi di kawasan berkenaan selain mendapat permintaan tinggi di kalangan broker untuk dijadikan ubat tradisional.

Difahamkan, sekurang-kurangnya dalam tempoh seminggu, pasti ada cicak gecko dijual pemiliknya kepada broker dan biasanya hanya cicak dengan berat melebihi 300 gram yang dibida dengan harga tinggi.

Antara lokasi dikenal pasti menjadi tumpuan pencari cicak itu adalah di Bukit

Kwoong, dekat sini, selain haiwan terbabit mudah ditemui sekitar belukar dan bangsal sawah yang menjadi habitat asalnya membiak.

Peniaga, Koseng Kombi, 42, berkata dia bersama rakan kongsinya, Edam Chaling, 48, berjaya menjual cicak gecko yang mempunyai berat 320 gram kepada broker dengan harga RM35,000 bulan lalu.

Menurutnya, dia memelihara haiwan berkenaan sejak dua tahun lalu sebagai hobi.

"Pada mulanya, memang tiada niat menjual haiwan itu, sebaliknya saya suka memeliharanya kerana keunikannya memandangkan warnanya berubah berdasarkan faktor sekeliling selain mempunyai dua warna asal iaitu jingga dan merah jambu.

"Bagaimanapun selepas sekian lama memeliharanya, seorang broker dari Kuala Lumpur berminat membelinya sebelum kami menjualnya dengan harga RM35,000.

Sejak itu ramai broker menjadikan kedai kopi di pekan ini sebagai tempat bidaan untuk membeli cicak gecko," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Degung di sini, semalam.

Katanya, berdasarkan pengetahuannya, kehairahan broker cicak gecko mendapatkan haiwan itu kerana

mahu mendapatkan hempedu yang didakwa mampu menjadi penawar Aids.

"Saya tidak tahu sejauh mana kebenarannya tetapi itu antara alasan diberikan broker yang datang mendapatkan haiwan itu hingga sanggup membelinya dengan harga tinggi. Biasanya gecko yang bernilai tinggi memiliki berat melebihi 300 gram.

"Ada yang mendakwa lagi besar cicak gecko, lebih besar hempedu dan keadaan itu menguntungkan pembeli yang percaya haiwan berkenaan mempunyai khasiat mengubati penyakit melalui kaedah

tradisional," katanya.

Menurutnya, ramai penduduk di Rantau Panjang kini

aktif mencari spesies cicak berkenaan di kawasan belukar dan hutan dengan harapan dapat menjualnya pada harga antara RM20,000 hingga RM35,000 seekor bergantung kepada berat.

"Dulu cicak ini mudah diperolehi sekitar rumah, malah ada yang hidup dalam rumah. Spesies itu juga mudah ditemui di belukar dan bangsal padi tetapi kini keadaan sudah berubah.

"Cara memeliharanya juga mudah dengan perlu diletakkan dalam keadaan teduh manakala pemakanannya hanya serangga seperti cengkerik dan ulat. Bagaimanapun haiwan itu akan mengecilkan badannya jika terancam dan mengambil masa lama untuk kembali normal," katanya.



JADI BURUAN...Gecko gecko jadi buruan penduduk Bukit Kwoong.

Headline **Lubuk broker gecko**
Date **23 Oct 2010**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Setempat**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **38**
Article Size **362 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **10,409**
PRValue **31,228**



EDAM...jual RM35,000